

BN tak pernah dapat kuasa — Mahathir — cara haram

UM 11 JUL 1990

MASJID TANAH 10 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini, Barisan Nasional (BN) tidak pernah mendapatkan kuasa untuk memerintah negara ini secara haram.

Perdana Menteri berkata, sudah terbukti kepada dunia bahawa pilihanraya yang telah diadakan di Malaysia berjalan secara tertib, adil dan mengikut undang-undang.

"Siapa sahaja boleh bertanding dalam pilihanraya umum di negara ini dan sering juga berlaku kekalahan calon-calon kerajaan. Rakyat berhak memilih parti lawan dan kerajaan sedia menerima kekalahan tanpa membuat sesuatu seperti menangkap calon pembangkang yang menang," katanya.

Berucap di upacara pecah tanah jambatan Kuala Linggi dekat sini beliau membidas kumpulan pengesan pilihanraya yang diketuai oleh seorang bekas hakim kerana bersikap berat sebelah terutama apabila mereka memburuk-burukkan kerajaan di luar negara.

Perdana Menteri berkata, kumpulan lima enam orang manusia ini yang menganggap diri mereka lebih dari malaikat menuduh pilihanraya di negara ini dijalankan secara tidak tertib dan adil.

"Kita jalankan pilihanraya ini secara tertib, secara adil, memberi peluang kepada semua pihak untuk bercakap dengan rakyat, untuk cuba mempengaruhi rakyat, bahkan untuk cuba menghasut rakyat, kita beri peluang.

"Sudah lapan pilihanraya kita lalui

Oleh
Mohd Nor Samad

dan berpuluh-puluh pilihanraya kecil telah diadakan. Kita bukan selalunya menang. Calon boleh kalah bahkan parti lawan boleh memerintah negara," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Ini, katanya, terbukti apabila parti lawan dapat memerintah Kelantan lebih 18 tahun, tahun 1969 Parti Gerakan menang di Pulau Pinang, Parti Bersatu Sabah (PBS) mengalahkan parti kerajaan, (Berjaya) di Sabah dan parti lawan menang dalam pilihanraya kecil Johor Baharu dan Teluk Pasu.

Mengenai pengesan pilihanraya itu, Perdana Menteri bertanya bagaimana kerajaan hendak menerima pengesan pilihanraya tersebut sedangkan mereka telah awal-awal lagi menunjukkan sikap berat sebelah kepada kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan telah mengundang pemerhati dari negara luar untuk memerhatikan perjalanan pilihanraya kerana kerajaan syak mereka akan buat angkara apabila diadakan pilihanraya.

Katanya, pemerhati luar ini boleh melihat telatah dan gelagat parti-parti lawan itu semasa pilihanraya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak takut menghadapi pilihanraya kerana tahu rakyat boleh menilai sendiri pencapaian rekod semasa kita mentadbir negara.

"Kita tidak takut orang lain melihat perjalanan pilihanraya kerana kita bu-

kan hendak menggunakan pilihanraya untuk mengekalkan kedudukan kita" katanya.

Dalam ucapannya juga, beliau mencabar parti-parti lawan supaya menunjukkan bukti tiada kebebasan di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, mereka sering mengatakan tiada kebebasan akhbar di negara ini, sedangkan terda-

pat akhbar-akhbar seperti *Rocket*, *Harakah*, *Watan* dan *Mingguan Kota* yang sentiasa mengkritik kerajaan.

Katanya, kerajaan tidak melarang mereka berbuat begitu, begitu juga pada pembaca kalau mahu membawa majalah - majalah dari luar negara yang anti kerajaan.

Ini kerana, katanya, kerajaan menghormati kebebasan mereka.